



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Lagu Kebangsaan 1968

DR.18/1968

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Act bagi membuat peruntukan berkenaan dengan Lagu Kebangsaan Persekutuan.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

1. Act ini boleh-lah di-namakan Act Lagu Kebangsaan, 1968, dan hendak-lah di-pakai di-seluruh Persekutuan.

Tajok
ringkas dan
pemakaian.

2. Dalam Act ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki ma'ana yang lain—

Tafsiran.

“Lagu Kebangsaan” erti-nya Lagu Kebangsaan Persekutuan ia-itu gubahan yang mengandongi perkataan² dan muzik yang di-nyatakan di-dalam Jadual;

“naskhah pendek” erti-nya naskhah pendek Lagu Kebangsaan yang di-nyatakan di-dalam Jadual;

“naskhah ringkas” erti-nya naskhah ringkas Lagu Kebangsaan yang di-nyatakan di-dalam Jadual.

3. (1) Naskhah penoh atau naskhah Diraja Lagu Kebangsaan hendak-lah di-mainkan pada peristiwa² yang berikut—

Memainkan
naskhah
penoh Lagu
Kebang-
saan.

(a) apabila suatu penghormatan di-beri kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong sa-masa menjalankan tugas² Yang di-Pertuan Agong, atau sa-orang Raja yang di-lantek bagi menjalankan tugas² Yang di-Pertuan Agong mengikut Ordinance (Menjalankan Tugas²) Yang di-Pertuan Agong, 1957, atau apabila panji² diraja di-kibarkan bagi melambangkan kehadiran Seri Paduka Baginda;

72 tahun
1957.

- (b) dalam masa perbarisan rasmi atau lain² majlis istiadat rasmi;
- (c) pada segala peristiwa apabila Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hadir sendiri (termasuk penyiaran oleh Seri Paduka Baginda);
- (d) apabila bendera Persekutuan di-bawa dalam perbarisan;
- (e) apabila panji² rejimen di-sampaikan; dan
- (f) bagi menaikkan panji² dalam Tentera Laut.

(2) Naskhah penoh atau naskhah Diraja Lagu Kebangsaan boleh di-mainkan dalam sekolah² bagi maksud mengajar murid² sekolah itu menyanyi Lagu Kebangsaan.

(3) Naskhah penoh atau naskhah Diraja Lagu Kebangsaan hendak-lah di-mainkan pada mana² peristiwa lain sa-sa bagaimana yang di-tetapkan dengan perintah oleh Yang di-Pertuan Agong.

Memainkan
naskhah
ringkas
Lagu Ke-
bangsaan.

4. (1) Naskhah ringkas hendak-lah di-mainkan sa-bagai penghormatan pada semua peristiwa rasmi kepada—

- (a) Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong;
- (b) Tuan² Yang Terutama Gabenor² Melaka, Pulau Pinang dan Sarawak, dan Yang di-Pertua Negara Sabah.

(2) Naskhah ringkas Lagu Kebangsaan hendak-lah di-mainkan pada mana² peristiwa lain sa-bagaimana yang di-tetapkan dengan perintah oleh Yang di-Pertuan Agong.

Memainkan
naskhah
pendek
Lagu Ke-
bangsaan.

5. Pada mana² peristiwa rasmi apabila Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau wakil-nya tidak hadir akan tetapi salah sa-orang daripada Duli² Yang Maha Mulia Raja-Raja bagi Negeri² Melayu hadir, naskhah pendek itu hendak-lah di-mainkan pada masa tamat-nya peristiwa itu sa-lepas sahaja Lagu Negeri yang berkenaan itu di-mainkan.

Menyanyi
Lagu Ke-
bangsaan.

6. Pada semua peristiwa apabila Lagu Kebangsaan dinyanyikan naskhah penoh atau naskhah Diraja hendak-lah di-ucapkan.

7. (1) Pada segala sambutan rasmi untok pembesar² luar negeri di-mana penghormatan di-beri, naskhah penoh atau naskhah Diraja Lagu Kebangsaan hendak-lah di-mainkan sa-lepas sahaja Lagu bagi negeri pembesar yang melawat itu di-mainkan.

Memainkan Lagu luar negeri.

(2) Pada segala peristiwa rasmi yang di-adakan oleh Perutusan² luar negeri di-dalam Persekutuan bagi merayakan Hari² Kebangsaan atau lain² peristiwa Kebangsaan-nya, naskhah penoh atau naskhah Diraja Lagu Kebangsaan hendak-lah di-mainkan sa-lepas sahaja Lagu bagi negeri Perutusan luar negeri itu di-mainkan.

8. (1) Apabila Lagu Kebangsaan di-mainkan atau di-nyanyikan atau apabila naskhah ringkas atau naskhah pendek di-mainkan semua orang yang hadhir hendak-lah berdiri sedia sa-bagai suatu tanda hormat kechuali jika Lagu Kebangsaan di-mainkan atau di-nyanyikan dalam masa sa-suatu penyiaran atau filem warta-berita sa-bagai sa-bahagian daripada penyiaran atau filem warta-berita itu.

Tanda hormat.

(2) Barang siapa yang dengan mengetahui menunjukkan tidak hormat kapada Lagu Kebangsaan di-mana² tempat 'awam boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada satu ratus ringgit atau penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada satu bulan.

(3) Bagi maksud sekshen ini kemungkiran mematohi peruntukan sekshen-kechil (1) dengan tiada sebab yang baik dan chukup dan apa² perbuatan atau ketinggalan yang mungkin merendahkan kemuliaan Lagu Kebangsaan pada pandangan 'awam ada-lah menjadi suatu pertunjukan tidak hormat.

9. Mana² pegawai polis boleh menangkap dengan tiada waran mana² orang yang melakukan kesalahan dalam penglihatan-nya terhadap peruntukan² sekshen 8 melainkan jika orang itu memberi nama dan 'alamat-nya dan memuaskan hati pegawai itu bahawa ia akan patoh dengan sempurnanya kapada apa² saman atau lain² tindakan yang akan di-ambil terhadap-nya.

Tangkap dengan tiada waran.

10. Yang di-Pertuan Agong boleh dengan perintah meminda, mengganti atau mengubah Jadual itu.

Pindaan bagi Jadual.

JADUAL
(sekshen 2)

NASKHAH PENOH ATAU NASKHAH DIRAJA LAGU KEBANGSAAN
PERSEKUTUAN

MODERATO $\text{♩} = 112$

NEGARA KU

DRUM ROLL

mf NE GA RA KU TA NAH TUM PAH-NYA DA RAH KU

RA'AYAT HI DUP BER SAT U DAN MA JU

A *f* RAH MAT BAHAGIA TU HAN KUR NI A KAN

RA JA KI TA SE LA MAT BER TAKH TA

B *f* RAH MAT BAHAGIA TU HAN KUR NI A KAN

RA JA KI TA SE LA MAT BER TAKH TA

tall

PERINGATAN: ① UNTUK NASKHAH RINGKAS POTONG DARI **A** HINGGA **B**
② UNTUK NASKHAH PENDEK MAINKAN DARI **B** HINGGA AKHIR

HURAIAN

Rang Undang² ini bermaksud hendak mengadakan suatu asas undang² bagi Lagu Kebangsaan Persekutuan. Naskhah penoh atau naskhah Diraja Lagu Kebangsaan, naskhah ringkas, dan naskhah pendek, ada-lah di-nyatakan di-dalam Jadual kepada Rang Undang² ini.

2. Peristiwa² bila naskhah penoh atau naskhah Diraja Lagu Kebangsaan di-kehendaki di-mainkan ada-lah di-nyatakan dalam *fasal* 3. Peristiwa² bila naskhah ringkas di-kehendaki di-mainkan ada-lah di-nyatakan dalam *fasal* 4. Peristiwa² bila naskhah pendek di-kehendaki di-mainkan ada-lah di-nyatakan dalam *fasal* 5.

3. Kesalahan dan seksaan kerana tidak menghormati Lagu Kebangsaan ada-lah di-nyatakan dalam *fasal* 8. Perbahasaan "tempat 'awam" yang terdapat dalam *fasal* 8 (2) telah di-ta'arifkan dalam Act Tafsiran, 1967, sa-bagai termasuk sa-sabuah panggong dan mana² tempat apa² jenis hiboran 'awam yang sa-saorang boleh masok ka-dalam-nya dengan jalan bayaran atau yang orang 'awam boleh masok ka-dalam-nya. Menurut kuasa *fasal* 9 Rang Undang² ini mana² pegawai polis boleh menangkap dengan tiada waran mana² orang yang melakukan kesalahan dalam penglihatan-nya terhadap peruntokan² *fasal* 8 melainkan jika orang itu memberi nama dan 'alamat-nya dan memuaskan hati pegawai polis itu bahawa ia akan patoh dengan sempurna-nya kapada apa² saman atau tindakan yang akan di-ambil terhadap-nya.

[PN. 754.]

